

Budaya Politik Berteraskan Nilai di Kalangan Masyarakat Kayan di Sungai Asap, Belaga

Lavenne Hunyang Lemali

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak

Koresponden e-mel: lavenne29@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada pengaruh agama Kristian terhadap nilai budaya dan politik dalam kalangan masyarakat Kayan di Belaga. Kajian ini melibatkan 15 orang peserta dari perkampungan Kayan. Objektif utama adalah untuk memahami bagaimana agama membentuk nilai budaya politik dalam masyarakat Kayan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana pengaruh agama ini nyata dalam norma dan tindakan politik mereka. Masyarakat Kayan, dengan amalan budaya yang unik dan pemeliharaan agama, menyediakan konteks yang kaya untuk memahami interaksi antara agama dan budaya politik. menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan temu bual dan pemerhatian berstruktur. Kaedah persampelan bersasar telah digunakan bagi melibatkan kumpulan peserta yang pelbagai, termasuk pastor, *maren uma*, pelayan gereja, jemaah dan pemuda-pemudi. Dapatan kajian mendapati agama Kristian memainkan peranan penting dalam membentuk nilai budaya dan politik masyarakat Kayan. Ia mempengaruhi norma politik dan tindakan politik yang menggalakkan masyarakat yang harmoni dan beretika. Kajian itu menekankan kepentingan nilai agama dalam membimbing tingkah laku politik dan penglibatan masyarakat, menekankan keperluan untuk pemeliharaan agama dan budaya yang berterusan.

Kata kunci: budaya politik, politik nilai, agama Kristian, Kayan Belaga, tindakan politik

PENGENALAN

Budaya tradisi dimiliki oleh setiap masyarakat dan diwariskan dari generasi ke generasi. Budaya yang dipraktikkan ini membentuk masyarakat. Kehidupan seseorang masyarakat bergantung pada budaya mereka. Adat resam setiap masyarakat akan menentukan cara kehidupan mereka sendiri. Adat resam ini harus dipraktikkan supaya ia tidak pupus dan tidak dilupakan begitu sahaja Menurut Mohad dan Mokthar (2017), menjelaskan bahawa amalan budaya sesebuah masyarakat biasanya sepadan dengan prinsip agama, yang merupakan asas pemikiran dan kosmologi masyarakat. Dalam kebanyakan kes, setiap negara di seluruh dunia mempunyai adat dan budaya yang unik. Selain itu, budaya boleh ditakrifkan sebagai apa sahaja aktiviti manusia yang termasuk perkataan dan perbuatan. Banyak tradisi budaya dipraktikkan dari zaman ke zaman. Majoriti masyarakat di kawasan pedalaman mengambil bahagian dalam kebudayaan masyarakat tradisional yang penuh dengan roh dan semangat. Mereka boleh hidup dan berkembang subur dalam rangka kerja kepercayaan tradisional yang sama. Kajian ini meninjau fungsi budaya, terutamanya peranan agama dalam mempengaruhi nilai dan tindakan politik di kalangan masyarakat Kayan yang beragama Kristian di Sungai Asap, Belaga.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini membolehkan masyarakat memahami secara mendalam bagaimana agama mempengaruhi kehidupan sosial, budaya, dan politik etnik Kayan di Belaga. Ini memperkaya pengetahuan sedia ada tentang kepelbagaian budaya dan agama dalam kalangan masyarakat pribumi di Malaysia. Kajian ini juga membantu dalam pemeliharaan budaya politik etnik Kayan bagi memastikan tindakan politik yang berorientasikan beragama terus dihormati dan dijaga dalam era perubahan sosial yang pesat. Dengan memahami bagaimana agama mempengaruhi politik budaya etnik Kayan, kajian ini boleh memberi kefahaman tentang hubungkaitan antara budaya politik dan tindakan politik di kalangan masyarakat bumiputera di Sarawak.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini membolehkan masyarakat memahami secara mendalam bagaimana agama mempengaruhi kehidupan sosial, budaya, dan politik etnik Kayan di Belaga. Ini memperkaya pengetahuan sedia ada tentang kepelbagaian budaya dan agama dalam kalangan masyarakat pribumi di Malaysia. Kajian ini juga membantu dalam pemeliharaan budaya politik etnik Kayan bagi memastikan tindakan politik yang berorientasikan beragama terus dihormati dan dijaga dalam era perubahan sosial yang pesat. Dengan memahami bagaimana agama mempengaruhi politik budaya etnik Kayan, kajian ini boleh memberi kefahaman tentang hubungkaitan antara budaya politik dan tindakan politik di kalangan masyarakat bumiputera di Sarawak.


METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian menggunakan reka bentuk pengumpulan data kualitatif, khususnya pemilihan kumpulan fokus, sebagai pendekatan kualitatif untuk memahami isu sosial. Kaedah ini mengumpul data daripada individu yang dikaji dan daripada sampel yang menyediakan statistik populasi yang lebih komprehensif.

~~ *Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong* ~~

Lokasi Kajian



Rajah 1: Peta Lokasi Kajian di Sungai Asap, Belaga

(Sumber: Fadzilah Abdul Majid, Johan Nordensvard, Gusni Saat dan Frauke Urban, 2017)

Rajah 1 menunjukkan kajian ini dijalankan di tiga kawasan perkampungan etnik Kayan iaitu Uma Belor, Uma Lesong dan Uma Daro di Sungai Asap, Belaga Sarawak. Lokasi ini dipilih kerana ia merupakan salah sebuah kawasan penempatan Kayan di Belaga dan juga antara kawasan yang mempunyai banyak aktiviti berkaitan pembangunan rohani bagi komuniti tersebut.

Peserta Kajian

Populasi dari mana sampel diperoleh terdiri daripada kumpulan; i) penduduk rumah panjang Uma Belor, Uma Lesong dan Uma Daro, ii) ketua masyarakat di kawasan kajian seperti Maren Uma, penduduk rumah panjang seperti Pastor, pelayan gereja, jemaah dan pemuda-pemudi dipilih untuk menjadi peserta dalam temubual. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk pemilihan peserta.

Berikut ialah senarai peserta kajian:

PESERTA	PERANAN	UMUR DAN GENDER
Peserta 1	Pastor	47 tahun, perempuan.
Peserta 2	Pastor	45 tahun, lelaki.
Peserta 3	Pastor	58 tahun, perempuan.

Peserta 4	Maren Uma	62 tahun, lelaki.
Peserta 5	Maren Uma	61 tahun, lelaki.
Peserta 6	Maren Uma	59 tahun, lelaki
Peserta 7	Pelayan gereja	52 tahun, perempuan.
Peserta 8	Pelayan gereja	50 tahun, perempuan.
Peserta 9	Pelayan gereja	45 tahun, perempuan.
Peserta 10	Jemaah	54 tahun, perempuan.
Peserta 11	Jemaah	65 tahun, perempuan.
Peserta 12	Jemaah	76 tahun, perempuan.
Peserta 13	Pemuda-pemudi	18 tahun, lelaki.
Peserta 14	Pemuda-pemudi	22 tahun, perempuan.
Peserta 15	Pemuda-pemudi	16 tahun, lelaki.

Rajah 2: Maklumat peserta kajian.

Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan tiga kaedah pengumpulan data untuk menacapai objektif kajian iaitu kaedah temubual, pemerhatian dan penelitian data sekunder. Instrumen ini telah diuji melalui kajian rintis di lapangan dan sehubungan itu telah disemak semula untuk penambahbaikan. Maklumat lanjut mengenai instrumen tersebut di huraikan seperti di bawah ini.


Temu bual

Temu bual dilakukan secara bersemuka dan mengikut kesesuaian masa para peserta. Soalan temu bual direka dalam Bahasa Melayu tetapi untuk memastikan betul maklum balas daripada peserta, proses temu bual juga dijalankan dengan menggunakan Bahasa Kayan. Respon daripada para peserta kemudiannya ditranskripsi dan diterjemahkan ke bahasa Melayu. Penggunaan bahasa ibunda digunakan untuk mereka individu yang tidak memahami bahasa Melayu bagi membolehkan kefahaman yang baik kepada pengkaji dan peserta terhadap soalan-soalan yang diaju.

Data sekunder

Data sekunder ialah maklumat yang telah direkodkan atau dikumpul oleh penyelidik terdahulu. Sumber data sekunder termasuk buku, internet, dan jurnal dan artikel. Oleh kerana data ini sudah tersedia, pengkaji dapat menjimatkan masa dan wang dalam mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki.

Kaedah pemerhatian



Rajah 3: "Lamei Do Ledoh" 2024 di Uma Bawang, Sungai Asap, Belaga, Sarawak.

Sumber: <https://www.facebook.com/share/DgRTj3pC5Nsak/>

Kaedah pemerhatian telah membolehkan penyelidik memerhati budaya politik dalam persekitaran komuniti. Dalam penyelidikan kualitatif, pendekatan ini sering digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang tingkahlaku, interaksi sosial, dan persekitaran situasi yang berkaitan dengan isu kajian. Antara teknik pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji ialah penglibatan langsung serta rakaman audio-visual. Seperti contoh di dalam Rajah 3, pengkaji turut serta dalam program "Lamei Do Ledoh" bermula 26 hingga 27 Mei 2024 bertempat di Uma Bawang Sungai Asap. Program itu bertujuan mempromosikan warisan budaya etnik Kayan di daerah Asap melalui pelbagai aktiviti seperti makanan tradisional, permainan, dan pertukaran budaya. Program itu juga menekankan kepentingan memelihara warisan etnik Kayan melalui inisiatif yang turut disokong oleh pihak kerajaan.

DAPATAN KAJIAN

Peranan Agama dalam Pembentukan Nilai Budaya Politik

Tradisi kepercayaan memainkan peranan penting dalam membentuk norma sosial dalam kalangan masyarakat Kayan. Kepercayaan agama dan budaya membentuk pandangan dunia dan tata nilai yang dipegang oleh individu dan masyarakat secara keseluruhan. Misalnya, agama Kristian yang majoritinya di Sungai Asap memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat setempat di kawasan pedalaman Sarawak terutamanya bagi etnik Kayan. Kepercayaan dan interaksi sosial masyarakat dipengaruhi oleh agama. Agama Kristian telah membentuk nilai moral dan sosial, yang telah membantu mewujudkan harmoni dan perpaduan dalam masyarakat yang pelbagai ini. Nilai-nilai seperti toleransi, saling menghormati, dan keharmonian dipupuk melalui ajaran agama dan tradisi budaya yang diwarisi dari generasi ke generasi. Ini dapat dilihat melalui pemerhatian masyarakat Kristian di Sungai Asap yang mengamalkan toleransi dan saling menghormati, membantu menjaga harmoni dan perpaduan sosial. Melalui temubual dengan Peserta 8 yang menegaskan bahawa, "Agama Kristian bagi kita etnik Kayan memainkan peranan penting dalam budaya itu adat resam kita dan politik, kerana ia menyediakan

landasan nilai dan moral yang mempengaruhi keputusan politik dan integrasi sosial, serta mempromosikan harmoni dan kepelbagaian contohnya, negara kita hidup dalam bermasyarakat majmuk, kaya dengan budaya dan adat resam serta etnik dan bangsa yang perbagai.”

Pendapat Peserta 8 menunjukkan bahawa agama bukan sahaja menjadi landasan kepercayaan tetapi juga mempengaruhi cara masyarakat berinteraksi dan mengenal pasti diri mereka dalam konteks sosial. Menyokong kenyataannya pelbagai agama dan etnik seperti etnik Kenyah, Penan, Cina, Melayu yang beragama Islam turun hidup bersama di Sungai Asap. Menurutnya, disebabkan kepercayaan Kristian yang menekankan kasih sayang dan saling menghormati, suasana harmoni telah wujud di kalangan penduduk. Misalnya dapat ditunjukkan oleh program komuniti gereja, seperti majlis makan bersama dan sukaneka pada hari keluarga, dan program kebajikan seperti Ceramah Anti-Dadah kepada Belia. Aktiviti seperti ini bukan sahaja meningkatkan hubungan antara ahli komuniti tetapi juga menanamkan rasa persamaan dan kekitaan. Program-program seperti ini memang selalunya akan menjemput para pendoa seperti Paderi dan Pastor yang melakukan bacaan doa berkat untuk keberlangsungan program dengan baik, lancar dan di dalam penyertaan Yang Maha Esa. Penglibatan gereja melalui jemputan pastor atau paderi sebagai pendoa majlis dalam aktiviti komuniti telag memainkan peranan penting dalam mempromosikan interaksi sosial yang harmonis.

Pengaruh Kepimpinan Agama dalam Politik

Pengaruh kepemimpinan agama dalam politik masyarakat Kayan sering terbatas pada peranan moral dan spiritual. Pemimpin agama, seperti pastor dan paderi, cenderung untuk tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti politik secara aktif. Sebaliknya, mereka berperanan dalam memberikan nasihat moral dan spiritual kepada pemimpin politik dan komuniti, menjaga neutraliti antara agama dan politik, serta meredakan ketegangan dalam menangani isu-isu politik yang sensitif. Peserta 1 menyatakan bahawa pemimpin agama seperti paderi dan pastor tidak boleh membincangkan atau terlibat secara langsung dalam kempen yang dianjurkan oleh parti politik. Berdasarkan nilai-nilai Alkitab, pastor perlu berdoa bersama dan memberikan bimbingan moral kepada jemaat mereka tanpa mengira fahaman politik. Pandangan ini menekankan bahawa pemimpin agama bertanggungjawab untuk membawa prinsip-prinsip moral universal, bukannya terlibat secara aktif dalam aktiviti politik yang biasanya boleh mengundang kontroversi. Menurut Peserta 1, ia mencerminkan nilai-nilai bahawa kepemimpinan agama harus tetap neutral dan hanya memberi nasihat berdasarkan norma moral, sambil mengatakan, "*Betul, pemimpin gereja, Pastor dan deken (pelayan gereja) tidak digalakkan melibatkan diri secara langsung seperti ikut berkempen, tidak boleh cakap isu-isu sensitif. Ya, memberi panduan moral kepada jemaat dengan memberitahu kebenaran dalam Alkitab serta berdoa bersama.*"

Manakala bagi Peserta 2 telah menegaskan bahawa dalam menangani isu politik, pastor dan pemimpin agama harus mematuhi garis panduan yang jelas. Mereka tidak sepatutnya terlibat dalam pendidikan politik atau membuat keputusan politik; sebaliknya, mereka sepatutnya hanya memberi sokongan moral dan doa kepada jemaah mereka. Ini menunjukkan batasan yang dikenakan terhadap pemimpin agama daripada mengendalikan politik secara langsung merupakan sebahagian daripada aspirasi jemaah. Beliau menambah, "*Betul. Tidak perlu terlibat, ada garis panduan sendiri, pastor tidak melibatkan diri dalam politik. Pastor cuma mendoakan. Pastor tidak dibenarkan memberi didikan politik kepada jemaat gereja. Ya, betul pastor beri kata-kata dorongan dan doa itu adalah sokongan moral kami berikan.*"

Pernyataan ini menunjukkan bahawa agama harus bebas daripada pengaruh politik yang boleh menjejaskan matlamat spiritual mereka. Ini merangkumi pemahaman yang mendalam tentang peranan yang dimainkan oleh pemimpin agama dalam mengekalkan prinsip moral dan spiritual, tetapi ia mengelakkan daripada terlibat dalam politik praktikal yang mungkin menjejaskan integriti peranan mereka dalam masyarakat.

Kerjasama antara Pemimpin Agama dan Politik

Kerjasama antara pemimpin agama dan politik penting untuk mencapai tujuan bersama dalam masyarakat Kayan. Walaupun pemimpin agama biasanya tidak terlibat secara langsung dalam politik, mereka memainkan peranan penting dalam memberikan nasihat moral dan etika kepada pemimpin politik. Kerjasama ini dapat memperkuat hubungan komuniti dan mempromosikan harmoni dalam masyarakat. Budaya ini dapat dilihat dalam respon Peserta 3 yang menyatakan, “*Betul, sesiapa yang terlibat dalam gereja tidak dibenarkan berkempen lagi-lagi yang pastor dan pelayan gereja kerana Kristian SIB tidak mendorong sesiapa berpolitik.*”

Petikan ini mengatakan seseorang yang terlibat dalam gereja, terutamanya pastor dan pelayan gereja, tidak dibenarkan untuk berkempen politik. Secara khusus, Gereja Kristian SIB tidak menggalakkan penganutnya untuk terlibat dalam politik. Ini menunjukkan bahawa gereja memilih untuk memfokuskan pada peranan kerohanian dan moral mereka tanpa terlibat dalam politik. Bagi Peserta 3 yang merupakan seorang pastor dalam gereja Kristian Sidang Injil Borneo (SIB), prinsip pemisahan antara gereja dan politik digunakan untuk mengelakkan pengaruh politik yang boleh mencetuskan perpecahan dalam kalangan jemaat dan untuk mengekalkan kesucian dan fokus spiritual gereja. Hal ini untuk membantu mengurangkan perselisihan faham dan mengekalkan keharmonian dalam komuniti. Gereja yang tidak terlibat dalam politik boleh berkonsentrasi sepenuhnya pada misi spiritual dan sosial mereka tanpa terjejas oleh kepentingan politik.

Namun demikian, sokongan kerajaan terhadap penerusan aktiviti keagamaan Kristian dilihat penting di dalam pengkalan keharmonian dalam masyarakat. Peserta 4 menyatakan “*Agama bagi kemajuan, memohon bantuan dari pihak berkuasa Sarawak untuk membaiki kerosakan atau membaikpulih gereja, dengan permohonan UNIFOR bantuan minta tambah dana gereja dalam menjaga kebajikan hamba Tuhan, baiki dan buat gereja lebih baik.*” Dengan meminta bantuan daripada pihak kerajaan negeri untuk membaiki kerosakan atau membaik pulih gereja, petikan ini menunjukkan betapa pentingnya agama untuk menyumbang kepada kestabilan sosial dan politik. Permohonan telah dibuat kepada Unit untuk Hal Ehwat Agama- agama Lain (UNIFOR) untuk bantuan yang bertujuan untuk meningkatkan sumber kewangan gereja untuk menjaga kebajikan para penganut serta untuk pembaikan dan pembangunan gereja. Ini menunjukkan usaha gereja untuk mengekalkan kebajikan dan tempat ibadat penganutnya dengan baik melalui sokongan pihak berkuasa dan dana tambahan. Justeru, Peserta 4 menyatakan bahawa ini menunjukkan bagaimana kerjasama antara pemimpin agama dan politik dapat memperkuat kesejahteraan komuniti.

Penubuhan UNIFOR mencerminkan usaha kerajaan Sarawak dalam mengekalkan keharmonian agama dan memperkasakan perpaduan di kalangan penduduknya yang berbilang etnik dan agama. UNIFOR memainkan peranan penting dalam membina masyarakat Sarawak yang harmoni dan bersatu padu melalui pendekatan yang inklusif dan adil (Rahman, 2023). UNIFOR memastikan kerajaan Sarawak dapat menjamin semua agama mendapat layanan yang adil sejajar dengan prinsip keadilan sosial dan kebebasan beragama yang digariskan dalam Perlembagaan Malaysia (Yong, 2021). UNIFOR telah menunjukkan komitmen yang teguh untuk membantu perkembangan komuniti bukan Islam di Sarawak sejak penubuhannya. UNIFOR mampu membantu dan menyokong lebih banyak rumah ibadat dan aktiviti kebajikan dengan peruntukan dana yang meningkat setiap tahun. Ini juga membantu meningkatkan semangat keharmonian dan kesepaduan di kalangan orang yang berbeza agama dan etnik di negeri Sarawak.

PERBINCANGAN

Budaya politik berteraskan agama mempengaruhi penyertaan politik

Budaya politik berasaskan agama Kristian telah terbukti menggalakkan tindakan politik yang harmonis di kalangan masyarakat Kayan di Sungai Asap. Menurut teori budaya politik yang dibawa oleh Almond dan Verba (1963), menunjukkan bahawa budaya memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku politik individu. Dalam kes masyarakat Kayan di Sungai Asap, kenyataan para peserta menekankan pentingnya agama Kristian dalam membentuk amalan budaya dan politik mereka. Misalnya, Peserta 9 menyebut bahawa Kristian memainkan peranan penting dalam identiti budaya dan politik mereka, menyediakan asas untuk nilai dan moral yang mempengaruhi keputusan politik dan integrasi sosial. Respon berikut boleh dijadikan data bagi menyokong hujah Putnam (2000) bahawa modal sosial dibina berdasarkan nilai dan norma bersama yang disebarkan dari generasi ke generasi. Selain itu, modal sosial yang berteraskan agama boleh menjadi benteng untuk menghalang ketaasuban politik. Peserta 7 menggemakan sentimen ini dengan menyatakan bahawa politik sering dicirikan oleh penipuan dan manipulasi, tetapi ajaran Kristian memberikan panduan moral yang jelas bagi individu untuk membuat keputusan yang jujur. Sentimen tersebut memaparkan pentingnya nilai-nilai Kristian seperti kejujuran dan integriti dalam membentuk tingkah laku politik.

Dalam konteks ini, satu lagi konsep modal budaya seperti yang dicadangkan oleh Bourdieu (1980) menunjukkan bahawa latar belakang budaya memainkan peranan penting dalam membentuk status sosial dan ekonomi individu, yang seterusnya mempengaruhi sikap dan tingkah laku politik mereka. Kekristenan boleh dilihat sebagai bentuk modal budaya yang memberikan individu dengan rasa identiti dan kepunyaan dalam masyarakat. Dari aspek teori, ahli antropologi Clifford Geertz (1973) boleh dijadikan rujukan dalam menghuraikan kesan budaya dalam amalan kemasyarakatan. Beliau berpendapat bahawa budaya bukan hanya satu set nilai dan norma abstrak tetapi juga tertanam dalam amalan masyarakat. Dalam kes ini, amalan dan ritual agama Kristian membentuk identiti budaya masyarakat Kayan dan mempengaruhi tingkah laku politik mereka. Selain daripada konsep modal sosial, konsep "penglibatan sivik" yang dicadangkan oleh Robert Putnam (2000) menekankan pentingnya modal sosial dalam memupuk penyertaan sivik. Dalam konteks ini, Kristian boleh dilihat sebagai faktor yang menggalakkan penglibatan sivik dengan menyediakan individu dengan rasa komuniti dan tanggungjawab sosial.

Kenyataan daripada para peserta kajian mengukuhkan lagi tanggapan bahawa agama Kristian memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku politik masyarakat Kayan. Peserta 12 menekankan bahawa "ajaran Kristian membantu individu memahami pentingnya keadilan dan tanggungjawab dalam politik, yang memupuk masyarakat yang lebih harmoni." Peserta 1 menekankan peranan orang Kristian dalam berdoa agar ahli politik memerintah dengan adil, manakala Peserta 11 menggambarkan bagaimana ajaran Kristian membantu mereka mendekati isu politik dengan kesabaran dan pengampunan terhadap kekurangan pemimpin. Ini lebih menekankan kepentingan nilai-nilai Kristian dalam memupuk rasa etika yang kuat dalam politik. Dalam konteks ini, nilai-nilai Kristian seperti keadilan, tanggungjawab, dan pengampunan memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku politik masyarakat Kayan. Kesimpulannya, kenyataan para peserta menunjukkan bagaimana agama Kristian membentuk amalan budaya dan politik masyarakat Kayan di Sungai Asap. Penemuan ini menunjukkan bahawa ajaran Kristian mempromosikan rasa etika yang kuat dan politik yang didorong oleh nilai, yang seterusnya mendorong penyertaan politik secara harmoni.

Politik nilai yang dibawa oleh budaya politik berteraskan agama Kristian di Sungai Asap membentuk pola interaksi dan keputusan politik komuniti Kayan

Nilai politik masyarakat tempatan dipengaruhi oleh budaya politik Kristian di Sungai Asap. Bagaimana nilai-nilai Kristian mempengaruhi sikap masyarakat terhadap politik agama adalah satu contoh yang

penting. Menurut Kuperman (2014), kepercayaan Kristian mempengaruhi cara masyarakat Malaysia melihat politik agama. Hasil kajian menunjukkan bahawa orang Kristian di Malaysia lebih cenderung melihat politisasi agama sebagai "wahyu Tuhan" dan "kesetiaan pada nilai-nilai Kristian." Kajian Yap (2017) mendapati bahawa nilai-nilai Kristian memberi kesan kepada cara orang bertindak dalam politik. Masyarakat Kristian Malaysia lebih cenderung untuk memupuk solidariti dengan komuniti agama mereka dan menyertai gerakan sosial-politik yang berkaitan dengan agama mereka. Satu kajian yang dijalankan oleh Lee (2019) mendapati bahawa kepercayaan Kristian mempengaruhi pandangan dan tindakan politik masyarakat. Orang Kristian Malaysia biasanya melihat demokrasi dan proses pemilihan umum dengan lebih baik. Bagaimana orang melihat politik agama, tingkah laku politik, demokrasi dan proses pilihan raya awam dipengaruhi oleh bagaimana agama mentafsirkan peranan politik terhadap penganutnya.

Nilai-nilai yang dibawa oleh budaya politik berasaskan Kristian di Sungai Asap berakar pada ajaran yang menekankan keadilan, kejujuran, cinta, dan tanggungjawab. Peserta 14 menyatakan bahawa "agama mengajar kita pentingnya nilai-nilai seperti kejujuran, keadilan, cinta, kesabaran, dan tanggungjawab, yang berfungsi sebagai garis panduan untuk tingkah laku politik kita." Peserta 15 juga menekankan bahawa pendidikan Kristian menekankan nilai-nilai moral seperti keadilan dan cinta, yang mempengaruhi pandangan penganut mengenai isu-isu seperti hak asasi manusia dan kesejahteraan sosial. Aspek kestabilan sosial juga ditekankan dalam agama Kristen. Di Sungai Asap, contohnya, di beberapa buah kampung, pemimpin dipilih berdasarkan status sosial dan reputasi mereka dalam masyarakat dan bukannya melalui pilihan raya rasmi yang diterima oleh masyarakat sebagai kaedah yang boleh memelihara masyarakat daripada berpecah-belah disebabkan oleh persaingan politik kepartian.

Tema etika dalam budaya politik masyarakat Kayan turut dilihat dalam kenyataan Peserta 10 yang menyebut, "*Kristen memberi kita bimbingan moral yang kuat dalam Politik, membantu kita membuat keputusan yang betul dan mengelakkan tingkah laku yang tidak beretika.*" Nilai-nilai ini digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Kayan. Sebagai contoh, Peserta 1 menekankan pentingnya berdoa agar politik diamalkan dengan adil, mencerminkan nilai keadilan dalam agama Kristian. Peserta 13 juga menyatakan bahawa "seorang pemimpin harus berintegritas, adil, bijak, empati, tegas, dan bertanggungjawab, menurut ajaran Kristian yang menekankan nilai-nilai moral." Kesimpulannya, kenyataan para peserta menunjukkan budaya politik berasaskan Kristian telah membentuk tingkah laku politik masyarakat Kayan di Sungai Asap. Penemuan ini menunjukkan bahawa ajaran Kristian mempromosikan rasa etika yang kuat dan politik yang didorong oleh nilai-nilai moral, yang seterusnya mendorong penyertaan politik dan memupuk masyarakat yang lebih harmoni.

Budaya politik berteraskan agama berbeza daripada budaya politik yang berdasarkan etnik

Terdapat beberapa perbezaan di antara budaya politik berasaskan Kristian dan politik berdasarkan etnik. Di satu pihak, politik berasaskan Kristian menekankan nilai-nilai moral dan etika yang kuat yang digunakan dalam kehidupan politik seharian. Ini terbukti dalam masyarakat Kristian di Sungai Asap, di mana Peserta 1 menyatakan bahawa agama Kristian memainkan peranan penting dalam membentuk budaya dan politik mereka. Beliau menyatakan bahawa ajaran Kristian menekankan keadilan, cinta, dan tanggungjawab, yang merupakan nilai-nilai penting yang mempengaruhi keputusan politik dan integrasi sosial. Sebaliknya, politik berdasarkan etnik mungkin lebih menumpukan pada identiti etnik dan kepentingan kumpulan. Ini boleh membawa kepada tumpuan kepada kepentingan dan identiti yang bersaing, dan bukannya nilai dan prinsip yang dikongsi. Namun demikian, budaya politik berasaskan agama boleh juga membawa maksud eksklusif apabila adanya sikap pengecualian terhadap mereka yang tidak mempunyai kepercayaan atau nilai agama yang sama. Salah satu daripada sikap eksklusif tersebut dapat dilihat dalam kenyataan daripada Peserta 14, "pandangan saya mengenai peranan agama dalam politik adalah pelbagai, mulai dari asas moral hingga kebimbangan mengenai pluralisme."

Kesimpulannya, budaya politik berasaskan Kristian di Sungai Asap berbeza dengan politik berdasarkan etnik. Walaupun politik berasaskan Kristian menekankan nilai-nilai moral dan etika yang kuat, politik berdasarkan etnik akan lebih menumpukan pada kepentingan kumpulan. Peranan agama dalam membentuk budaya politik juga penting melalui pemimpin Kristian mempromosikan kerjasama dan keharmonian antara pemimpin agama dan politik. Walaupun politik berasaskan Kristian menekankan nilai-nilai moral dan etika yang kuat, ia juga boleh dipengaruhi oleh tafsiran yang berbeza tentang apa yang membentuk keharmonian dan bagaimana ia harus dicapai.

PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa budaya politik berasaskan agama Kristian mempunyai pengaruh yang besar terhadap penyertaan politik dalam kalangan masyarakat Kayan di Sungai Asap. Tingkah laku dan sikap politik mereka dipengaruhi oleh iman Kristian yang menekankan nilai-nilai seperti keadilan, kejujuran, cinta, dan tanggungjawab. Mereka juga mendorong penglibatan politik yang beretika demi mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni. Kajian ini memberikan pemahaman tentang bagaimana agama boleh mempengaruhi tingkah laku politik individu dan kolektif dalam komuniti tertentu. Namun, ia juga mendedahkan potensi eksklusiviti yang boleh mewujudkan sengketa politik yang biasanya diselesaikan melalui pendekatan *realpolitik* berbanding etis.

RUJUKAN

- Almond, G., & Verba, S. (1963). *The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations*. <https://www.jstor.org/stable/2109455>
- Bourdieu, P. (1980). *The Logic of Practice*. <https://www.jstor.org/stable/2144027>
- Cooke, F. M., Nordensvard, J., Saat, G. B., Urban, F., & Siciliano, G. (2017). The limits of social protection: the case of hydropower dams and indigenous peoples' land. *Asia & the Pacific Policy Studies*, 4(3), 437-450. <https://doi.org/10.1002/app5.187>
- Geertz, C. (1973). *The Interpretation of Cultures: Selected Essays*. <https://www.amazon.com/Interpretation-Cultures-Selected-Essays-Clifford/dp/0465021362>
- Putnam, R. D. (2000). **Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community**. Simon and Schuster. https://books.google.com/books/about/Bowling_Alone.html?id=rd2ibodep7UC
- Perkins, Marla. 2017. Toward a typology or ranking elements of narrative discourse in languages and cultures: A cross-linguistic survey. *International Journal of Literary Linguistics*, 6.1. <https://journals.linguistik.de/ijll/index.php/ijll/article/view/101>.